

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam EMPAT (4) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. "Dalam masyarakat tradisional Melayu sebelum pertengahan abad ke-19, seorang penulis yang hubungannya begitu rapat dengan istana, pasti tidak dapat lari dari keadaan dan kehendak keliling - menyanjung raja, istana dan golongan pemerintah pada zamannya".

(Muhammad Yusoff Hashim)

Apakah, pada pendapat anda, Sejarah Melayu membuktikan kebenaran pernyataan ini?

2. Setujukah anda dengan Ranke bahawa matlamat pengajian sejarah ialah untuk memaparkan kejadian-kejadian yang lalu "sebagaimana ia benar-benar berlaku"?
3. Mengikut setengah sarjana, Marx harus dianggap pengaruh utama dalam memodenkan kajian sejarah kerana pendekatan Marxis telah "memperluaskan isi kajian sejarah supaya mencakupi semua lapisan dan kegiatan masyarakat". Setujukah anda dengan penilaian ini?

4. ".... ahli-ahli sejarah harus mempunyai sikap waspada, dengan menggunakan akal pikirannya dan ilham yang tepat untuk membedakan apa yang sebenarnya mungkin daripada apa yang tiada mungkin dan menyingkirkan segala sesuatu yang terdapat diluar garis-garis kemungkinan."

(Ibn Khaldun)

Wajarkah pernyataan ini dianggap intipati pemikiran sejarah Ibn Khaldun?

BAHAGIAN B

5. Patutkah, pada pandangan anda, penulisan sejarah dijadikan satu cara menegakkan keadilan dengan memuji mereka yang berjasa dan mengutuk mereka yang berdosa?
6. Setujukah anda bahawa pimpinan tokoh-tokoh seperti Haji Rahman Limbong adalah unsur penyebab terpenting dalam kebangkitan petani Trengganu dalam dasarwarsa 1920an?
7. Dapatkah anda setuju dengan R.G. Collingwood bahawa mengkaji sebab dalam bidang sejarah, pada asasnya, bererti memahami pemikiran pelaku sejarah?
8. Bacalah petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikut:

Petikan daripada Kisah Pelayaran Abdullah

Kalakian, kebanyakan pula anak-anak raja di situ, anak raja di sini; maka adalah masing-masing itu menaruh berpuluh-puluh kawannya. Maka adalah pada fikir sahaya, orang-orang itulah membuat gaduh sehari-hari dalam negeri atau di rumah-rumah orang. Maka hamba raja pun terlalu banyak dalam negeri. Demikianlah asalnya menjadi banyak itu: maka misalnya seorang sudah membunuh orang atau membuat pekerjaan salah besar dalam negeri, maka fikirnya, 'Dapat tiada akan dibunuh juga hukumnya; jikalau demikian baiklah aku menjadi hamba raja.' Maka berlarilah ia mendapatkan raja serta menyembah mengaku dosanya, hendak menjadi hamba raja. Maka raja pun memberilah suatu tanda kepadanya akan menjadi orang dalam. Maka orang itu sampai anak cucunya bernama hamba

raja; tiadalah seseorang pun berani membuat apa-apa akan dia, kerana ia orang dalam, ertinya, hamba raja. Dan lagi adalah adatnya, kalau orang membunuh hamba raja seorang, tujuh orang belanya; sebab itu menjadi bebaslah hamba raja itu dalam negeri. Maka kalau apa-apa perbuatannya salah, tiadalah dipedulikan kerana takut orang akan raja. Maka sebab itu hamba raja itupun menjadi besarlah dan keras hatinya; sebab orang takut akan dia. Maka perbuatannya pun makinlah bertambah-tambah jahatnya kepada orang negeri. Dan lagi banyaklah jadi fitnah daripada orang-orang itu. Maka barang yang tidak-tidak diadakannya kepada raja. Maka raja pun percayalah akan dia, sehingga raja memasukkan dirinya dalam pekerjaan itu. Maka pada akhirnya banyaklah hamba Allah menjadi binasa sebab hal itu.

Sebermula, ada suatu khabar sahaya dengar dalam Pahang: kalau kiranya ada seorang orang berhutang kepada seorang, maka apabila sampai janjinya, pergilah ia meminta hartanya kepada orang yang berhutang itu; 'maka ia meminta tangguh sebab belum ada; maka orang yang empunya wang itu memanggil beberapa orang hampa raja, katanya, 'Nanti saya upah sekian, pergilah mintakan wang sahaya kepada si anu itu.' Maka pergilah hamba raja itu kepada orang yang berhutang itu meminta dengan kerasnya. Maka katanya, 'Jikalau tiada engkau bayar, sekarang juga aku tikam.' Maka ada orang yang telah mati ditikamnya dan ada orang yang sebab takut itu pergilah menjual barang-barangnya yang tiada patut-patut harga sebab membayar rial itu. Syahdan, terbanyaklah ditakuti orang akan hamba raja itu sebab segala perkara yang tersebut tadi.

Maka adalah pada tatkala belayar itu, hati sahaya tiada juga lepas daripada fikiran akan negeri Pahang itu. Maka apa juga sebabnya boleh jadi demikian itu, sangatlah miskin dan kesunyian negeri itu, kerana dari dahulukala termasyhur namanya kepada segala negeri besar-besar, semena menjadi kecil dengan tiada dirampas oleh musuh dan tiada ditawan oleh negeri lain-lain. Maka adalah pada sangka sahaya, bukannya dari sebab perompak, kerana belum pernah sahaya dengar khabar negeri besar-besar yang hilang perniagaannya dan kekayaannya oleh sebab perompak; dan bukannya sebab tanahnya, kerana negeri Pahang tanahnya terlalu gemuk; dan bukannya sebab kelalaian orangnya sahaja, kerana belum pernah ada negeri dalam dunia ini yang lalai orangnya sekalian, jikalau boleh ia mendapat untung dengan kerja tangannya, dengan ketentuan labanya, serta senang hatinya, maka jikalau kiranya setengah bahagian juga orang yang dalam sebuah negeri yang sehari-hari ada mencari kehidupannya dengan rajinnya, lagi dengan pekerjaan yang setiawan, nescaya menjadi besar dan kayalah negeri itu. Maka pada sangka sahaya, inilah sebabnya menjadi miskin negeri Pahang itu.

Maka sekalian orang yang duduk dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar. Maka adalah fikiran mereka itu, 'Apa guna rajin kita itu? Maka jikalau kita mendapat sedikit wang atau makanan, nescaya dilobakan dan dirampas oleh orang besar itu.' Maka sebab itulah tinggal mereka itu dalam miskin dan malas dalam sepanjang umurnya.

- (a) Mengikut dokumen ini, apakah sebabnya hamba raja di negeri Pahang menjadi banyak?
(15%)
- (b) Mengapakah mengikut penjelasan penulis, hamba raja menjadi "besarlah dan keras hatinya"?
(20%)
- (c) Bincangkan, dengan rujukan kepada bukti-bukti yang boleh didapati daripada dokumen di atas, sikap penulis kepada golongan pemerintah.
(30%)
- (d) Mengikut pandangan seorang sarjana, perbincangan dokumen di atas mengenai kemiskinan penduduk-penduduk negeri Pahang menunjukkan bahawa penulis menganggap kemiskinan itu sebagai satu penyakit sosial. Setujukah anda dengan ulasan ini? Mengapa?
(35%)

-oooO00ooo-